

BA089

R GB 19-06 00160

aab

Mahathir - Israel

MAHATHIR TIDAK MENGETAHUI KUNJUNGAN TUNKU ABDULLAH KE ISRAEL

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak mengetahui bahawa Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman, adinda kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, telah berkunjung ke Israel baru-baru ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas Perhimpunan Agung Khas Umno di sini hari ini, beliau berkata beliau tidak tahu bagaimana Tunku Abdullah boleh pergi ke sana kerana pasport Malaysia tidak membenarkan pemegangnya melawat negara itu.

Ketika menjawab pertanyaan pemberita, beliau berkata kerajaan tidak mempunyai satu tindakan khusus bagi mereka yang pergi ke negara itu.

Bagaimanapun katanya, beliau mengetahui ada seorang pemberita negara ini yang pernah pergi ke Baitulmuqaddis bagi tujuan membuat berita dan kerajaan tidak mengambil tindakan terhadapnya.

Beliau juga berkata jika benar Tunku Abdullah pergi ke Israel, beliau ingin mengetahui butir-butir perbincangan beliau atas perasaan ingin tahu.

-- Lagi.

♥19/06/22-02MST

BA090

R GB 19-06 00178

aab

Mahathir - Israel 2 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, beliau merasakan bahawa lawatan itu ada hubungannya dengan perniagaan.

Laporan sebuah agensi berita antarabangsa semalam menyebut Pengerusi Syarikat Melewar itu membuat kunjungan senyap-senyap ke Israel minggu ini.

Menurut laporan itu, ketika di sana, Tunku Abdullah telah berunding dengan Perdana Menteri Yitzhak Rabin dan kemudian dengan Menteri Luar Shimon Peres sebelum berlepas pulang.

Perdana Menteri juga berkata beliau pernah menerima surat daripada Rabin yang menyatakan tindakan yang diambil oleh negara itu dalam mengadakan rundingan damai dengan Palestin.

"Saya telah menerima tiga pucuk surat daripada Rabin dan setiap kali menerimanya saya memberitahu kabinet dan semua surat itu telah dibalas.

"Di dalam surat balasan kita, kita meminta negara itu supaya jujur dalam usaha mereka mencari perdamaian dengan Palaestin," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mula menerima surat daripada Rabin semasa negara itu mengadakan rundingan damai dengan Palestin.

Katanya, Rabin di dalam suratnya membayangkan harapannya untuk mengadakan hubungan dengan Malaysia. -- Bernama

NZ AM NMO

♥19/06/22-03MST